

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Keusahawanan Sebagai Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Vokasional.

Nor Fadila Mohd Amin & Dzufi Iszura Ispawi

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya di kalangan pelajar teknikal dan vokasional. Kajian berbentuk deskriptif ini mengfokus kepada tiga faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan iaitu faktor disiplin, dorongan dan juga keinginan. Responden kajian ini terdiri daripada 140 orang pelajar perdana tahun akhir Jabatan Teknikal dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berstruktur yang mengandungi 25 item yang menggunakan maklum balas skala Likert. Data yang diperolehi pula dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* untuk mendapatkan nilai frekuensi dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor yang paling mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya di kalangan pelajar adalah disiplin, diikuti dengan faktor dorongan dan seterusnya faktor keinginan.

Katakunci : faktor, pemilihan bidang keusahawanan

Pengenalan

‘Belajar di universiti, dapatkan kerja yang baik, bayar hutang dan simpan duit’ merupakan nasihat yang biasa kita dengar daripada ibu bapa kita sejak kecil lagi. Kerja baik yang dimaksudkan adalah kerja di bawah syarikat-syarikat besar yang ternama ataupun kerajaan kerana jaminan kewangan (Trump, 2007). Tambahan lagi dengan pelan pencen mahupun pelan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk selepas bersara menambah keyakinan untuk bekerja di tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Namun begitu, revolusi industri memperkenalkan peluang bekerja di bawah orang lain secara besar-besaran. Kiyosaki (2007) menerangkan inilah yang membawa kepada corak pemikiran dan juga sistem pendidikan kini yang lebih gemar kepada bekerja di bawah orang lain pada zaman sekarang. Dengan kata lain, pelbagai jaminan menyebabkan manusia lebih gemar untuk hidup di dalam zon yang selesa.

Namun begitu, kebanyakannya tidak menyedari bahawa ‘zon selesa’ mereka itu di dalam bahaya. Dengan keadaan ekonomi sekarang yang lebih menjurus kepada system kapitalisme dan trend globalisasi, banyak masalah yang muncul yang boleh menyebabkan ramai yang kehilangan kerja dan seterusnya menganggur (Ramachandra, 2003).

Dengan menjadi seorang usahawan, kita tidak lagi terikat dengan jaminan yang diberikan oleh orang lain, tetapi kita mempunyai kebebasan untuk mengurus ekonomi kita sendiri (Trump, 2007). Tambahan lagi, seorang usahawan tidak akan melihat masalah-masalah yang dinyatakan tadi, tetapi akan mencari peluang di sebaliknya. Dengan itu, kita tidak terbeban dan menjadi mangsa kepada masalah. Sebaliknya, kita mampu berdiri sendiri dan menjadi sebahagian daripada jalan penyelesaian.

Penyataan Masalah

Masalah untuk mendapatkan kerja bukanlah lagi asing di Malaysia. Segulung ijazah tidak menjanjikan kepastian untuk mendapatkan kerja yang dikehendaki. Oleh sebab itu, para pelajar

perlulah memikirkan peluang lain untuk mendapat kerja. Dengan menjadi usahawan, para pelajar mencipta peluang pekerjaan sendiri dan tidak hanya menunggu kekosongan kerja.

Kajian ini melihat tiga perspektif penting yang mempengaruhi seseorang untuk menjadi seorang usahawan iaitu disiplin, keinginan dan juga dorongan. Seorang usahawan tidak dilahirkan dengan ciri-ciri tertentu, sebaliknya perlu dipupuk dan dipelajari. Disiplin inilah yang menentukan kejayaan seorang usahawan.

Dorongan juga menguatkan lagi seseorang untuk menjadi seorang usahawan. Dorongan ini merupakan faktor dalaman yang membawa kepada anjakan pemikiran pelajar untuk melihat usahawan sebagai satu kerjaya pilihan mereka.

Dengan mengkaji tiga perspektif ini, kita boleh mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Di samping itu, kita juga boleh melihat, samaada mereka berkebolehan untuk menjadi usahawan yang berjaya dan mampu menggerakkan ekonomi negara.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengetahui disiplin yang ada dalam diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
2. Mengetahui dorongan untuk pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
3. Mengetahui sumber timbulnya keinginan pelajar untuk menjadi seorang usahawan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh membawa manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti pelajar, pihak universiti, pensyarah dan juga pengkaji-pengkaji yang lain. Di antara kepentingan kajian ini adalah;

1. Membantu pelajar untuk menyedari potensi diri untuk menjadi seorang usahawan dan juga membuka minda mereka untuk melihat peluang pekerjaan selain daripada menjadi pekerja di bawah orang lain.
2. Membantu pihak universiti untuk menekankan lagi bidang keusahawanan di dalam kurikulum universiti.
3. Membantu pensyarah melihat potensi pelajar dan juga memberi galakan kepada pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
4. Sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk meneruskan kajian tentang bidang keusahawanan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk deskriptif tinjauan bagi mendapatkan maklum balas daripada responden tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Di antara kaedah untuk mendapatkan data di dalam kajian deskriptif yang diterangkan oleh Walliman (2001) adalah temuramah, pemerhatian, soal selidik, catatan visual dan sebagainya. Mohd Majid Konting (1990) pula menyatakan bahawa kaedah penyelidikan sesuai digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai pemboleh ubah yang dikaji. Maka, pengkaji memilih reka bentuk kajian deskriptif tinjauan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya di kalangan pelajar.

Persampelan

Menurut Sidi Gazalba (1981) populasi merupakan seluruh kelompok subjek yang terlibat dengan masalah yang dikaji. Untuk kajian ini, populasi yang disasarkan adalah pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia yang mengambil kursus SPA, SPE, SPJ dan SPH.

Sampel pula merupakan satu kumpulan subjek yang dipilih daripada populasi (Walliman, 2001). Oleh itu, sampel perlulah mewakili populasi. Ini kerana, tujuan penyelidikan adalah untuk menemuukur generalisasi yang berlaku secara umum (Sidi Gazalba, 1981). Untuk kajian ini, jumlah sampel diperolehi daripada jadual Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, jumlah sampel adalah seperti berikut;

Jadual 1 : Jumlah responden untuk kajian

Kursus	Jumlah populasi	Jumlah responden
SPA	19	14
SPE	22	19
SPJ	10	10
SPH	131	97
Jumlah keseluruhan:	192	140

Instrumen Kajian

Data untuk kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik berstruktur yang disediakan oleh pengkaji. Soal selidik berstruktur digunakan kerana sifatnya yang tegas, konkrit dan soalan-soalan yang terhad. Sidi Gazalba (1981) menjelaskan bahawa teknik ini tepat dan sesuai digunakan untuk memperolehi data yang objektif, tanpa pendapat atau penilaian responden. Borang selidik ini menggunakan skala Likert untuk pilihan jawapan responden. Oppenheim (1967) mendapati skala Likert mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 85%. Responden perlu menjawab soal selidik ini dengan memberi pemeringkatan berdasarkan skala Likert setakat mana mereka bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan. Oleh sebab itu, reka bentuk kajian jenis ini sesuai untuk mengkaji dorongan, keinginan dan disiplin pelajar yang berminat untuk menjadi seorang usahawan.

Untuk kajian ini, pengkaji memilih untuk mendapatkan data primer dengan menggunakan soal selidik berstruktur. Soal selidik digunakan kerana kelebihan-kelebihannya seperti yang dijelaskan oleh Walliman (2001) iaitu;

- Soalan-soalan yang tertutup,
- Responden boleh menjawab tanpa diketahui identiti mereka. Oleh itu soalan-soalan yang sukar dijawab secara terang-terangan boleh dijawab dengan mudah dan jujur.
- Tiada had geografi dan boleh dipos kepada responden.
- Menjimatkan kos dan masa.

Untuk kajian ini, penyelidik telah mengubah suai item-item daripada kajian Kasim Abd Rahman (2000) yang bertajuk sikap pelajar di aliran kemahiran (MLVK) di Sekolah Menengah Teknik Kuala Kangsar, Perak terhadap bidang keusahawanan, Lim Wee Ling (2001) yang bertajuk faktor-faktor mendorong usahawan Cina di Bandaraya Johor Bahru menceburi bidang keusahawanan dan juga kajian Nor Azmi Jasri (2002) yang bertajuk persepsi pelajar aliran

Ekonomi Rumah Tangga (ERT) di Sekolah Menengah Teknik Kuala Kangsar terhadap bidang keusahawanan – satu tinjauan.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk mengesan masalah-masalah yang mungkin timbul apabila kaji selidik sebenar dilakukan. Selain itu, ia juga dilakukan agar item-item di dalam soal selidik mudah difahami dan tidak menimbulkan keraguan. Soalan yang sukar difahami diperbaiki supaya objektif soalan tercapai bagi tujuan kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi mendapatkan nilai alpha cronbach untuk melihat tahap kebolehpercayaan item soal selidik tersebut.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 14 orang pelajar iaitu 10% daripada jumlah sampel. Nilai kebolehpercayaan, alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.87. Menurut George dan Mallery (1995), nilai alpha melebihi 0.7 menunjukkan bahawa instrument kajian boleh diterima pakai dan tidak perlu diperbaiki. Rossi dan Freeman (dalam Ellis, 1994) juga menyatakan nilai korelasi yang bernilai 0.75 ke atas daripada mana-mana ujian kebolehpercayaan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk kajian di dalam sains sosial.

Analisis Data

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan data bagi faktor yang paling mempengaruhi responden untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Tiga faktor yang ditekankan adalah disiplin, dorongan dan juga keinginan.

Daripada dapatan kajian di atas, 81% responden bersetuju mereka mempunyai disiplin seorang usahawan. Ini diikuti dengan faktor dorongan iaitu sebanyak 62%. Akhir sekali adalah faktor keinginan responden untuk menjadi seorang usahawan, iaitu sebanyak 53%.

Ini jelas menunjukkan faktor disiplin seorang usahawan yang ada di dalam diri pelajar paling mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya bagi mereka.

Jadual 2 : Perbandingan Analisis Nilai Purata Peratusan Bagi Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Responden Dalam Memilih Bidang Keusahawanan Sebagai Kerjaya.

Bil	Faktor-faktor	Nilai Purata Bersetuju (%)	Nilai Purata Tidak Pasti (%)	Nilai Purata Tidak Bersetuju (%)
1.	Disiplin seorang usahawan yang ada pada responden.	81.0	14.4	4.6
2.	Dorongan untuk responden menjadi seorang usahawan.	62.2	20.7	17.1
3.	Keinginan responden menjadi seorang usahawan.	53.0	21.6	25.4

Perbincangan

Maklum balas yang diperolehi daripada pelajar akan dibincangkan mengikut hasil dapatan bagi setiap persoalan kajian yang telah dikaji.

Keinginan pelajar untuk menjadi seorang usahawan boleh timbul daripada interaksi mereka dengan keadaan sekeliling. Ini menunjukkan persekitaran mempengaruhi pelajar untuk

memilih bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Di antara sebab timbulnya keinginan ini adalah keluarga, rakan sebaya, media massa dan juga pendidikan.

Kebanyakan pelajar bersetuju bahawa media massa memainkan peranan penting di dalam menimbulkan keinginan mereka untuk menjadi seorang usahawan. Media massa yang dimaksudkan adalah televisyen, radio, internet, surat khabar, majalah dan lain-lain. Daripada media massa mereka mengetahui peluang perniagaan dan maklumat mengenai perniagaan yang boleh mereka ceburi. Ini disokong oleh kajian Nor Azmi Jasri (2002) yang menunjukkan majoriti pelajar ERT bersetuju bahawa media cetak member banyak maklumat bidang keusahawanan kepada mereka. Selain itu, mereka juga mendapat inspirasi daripada berita-berita mengenai tokoh-tokoh usahawan berjaya yang dipaparkan oleh media massa.

Selain itu juga, keluarga dan rakan sebaya juga membantu dalam menimbulkan keinginan pelajar untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan. Ini kerana, keluarga memainkan peranan yang penting untuk membentuk personaliti seseorang (Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim, 2007). Ahli keluarga mampu menggalakkan pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Malah, terdapat pelajar yang datang daripada keluarga usahawan serta didedahkan dengan dunia perniagaan sejak kecil lagi. Ini diakui oleh Trump (2006) yang berminat dengan bidang keusahawanan apabila didedahkan oleh ayahnya dengan perniagaan keluarga sejak kecil lagi.

Sekiranya keluarga tidak memberi sokongan, rakan sebaya juga dapat membantu dalam menimbulkan keinginan pelajar untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan. Terdapat pelajar yang gemar berbincang dengan rakan-rakan mereka untuk menjadi seorang usahawan. Kiyosaki (2006) menjelaskan bahawa beliau berminat dengan dunia keusahawanan apabila digalakkan oleh rakan sebayanya ketika kecil.

Akhir sekali, pendidikan juga menyumbang kepada keinginan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Ini kerana pendidikan member pengetahuan asas kepada pelajar mengenai dengan bidang keusahawanan. Ini juga merupakan pendedahan awal kepada dunia perniagaan untuk pelajar seperti yang ditunjukkan di dalam kajian Nor Azmi Jasri (2002). Selain daripada itu, terdapat juga banyak kursus dan bengkel keusahawanan yang ditawarkan oleh pihak universiti. Kajian juga menunjukkan pelajar berminat untuk mengaplikasikan apa yang mereka pelajari ke dalam bidang keusahawanan. Mereka juga berminat untuk mengaplikasikan subjek teknikal yang mereka pelajari untuk menjadi servis atau produk perniagaan mereka kelak.

Di sini terbukti bahawa keinginan pelajar sedikit sebanyak juga mempengaruhi mereka untuk menjadi seorang usahawan. Kebanyakan pelajar juga bersetuju dengan pernyataan persoalan ini.

Rujukan

- Adamson, E. dan Budilovsky, J. (1999). *The Complete Idiot's Guide to Meditation*. Hemel Hempstead: Prentice Hall.
- Banyak jawatan kosong guru besar di pendalaman (2007, May 15). *Mstaronline*. Retrieved January 25, 2008, from <http://www.mstaronline.com.my>
- Barjoyai Bardai dan Mohd Fairuz Md Salleh (1998). *Peluang Perniagaan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Clapham, R. (1985). *Small and Medium Entrepreneurs in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ellis, L. (1994). *Research Methods in the Social Sciences*. Winconsin: Brown & Benchmark Publishers.

- Fakulti Pendidikan (2003). *Buku Panduan Akademik Ijazah Sarjana Muda Sesi 2003/2004*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- George, D. dan Mallery, P. (1995). *SPSS/PC+ Step by Step*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Hashemi, B. dan Hashemi, S. (2004). *Anyone Can Do It*. West Sussex: Capstone Publishing Limited.
- Isachsen, O. (1996). *Joining the Entrepreneurial Elite : Four Styles to Business Success*. California : Davies-Black Publishing.
- Juliana Roshana Akma Shafee (2008). Nurizan Intai Peluang Kembang Empayar Perniagaan Alat Tulis. *Mingguan Wanita*, 1259, 32.
- Kasim Abd Rahman (2000). *Sikap Pelajar di Aliran Kemahiran (MLVK) di Sekolah Menengah Teknik Kuala Kangsar, Perak Terhadap Bidang Keusahawanan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Lim Wee Ling (2001). *Faktor-Faktor Mendorong Usahawan Cina di Bandaraya Johor Bahru Menceburi Bidang Keusahawanan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Majoriti guru baru ditempatkan di sekolah pendalaman dan orang asli (2008, January 02). *Pertubuhan Berita Nasional Malaysia*. Retrieved January 25, 2008, from <http://www.bernama.com.my>
- Noresah Baharom (ed.) (2005). *Kamus Dewan*. Edisi 4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oppenheim, A. W. (1967). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*. (1st ed.) New York: Basic Book Publication.
- Penempatan guru tidak seimbang (2007, January 27). *Pertubuhan Berita Nasional Malaysia*. Retrieved January 25, 2008, from <http://www.bernama.com.my>
- Ramachandra, R. (2003). *The Big Jump Into Entrepreneurship*. Singapore: Horizon Books.
- Shefsky, L. E. (1994). *Entrepreneurs Are Made Not Born*. New York: McGraw-Hill.
- Sidi Gazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur.
- Walliman, N. (2001). *Your Research Project: A Step-By-Step Guide for The First Time Researcher*. London: Sage Publication.